



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PPP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 27 Oktober 2025



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

UMUM



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Larangan eksport produk termasuk nadir bumi dikecuali

Dagangan Malaysia-AS catat sejarah baharu

KUALA LUMPUR: Malaysia dan Amerika Syarikat (AS) mencipta sejarah baharu dalam mengukuhkan hubungan ekonomi dua hala apabila memberi akses yang tidak pernah berlaku sebelum ini ke pasaran masing-masing. Walaupun AS mengekalkan

tarif perdagangan sebanyak 19 peratus ke atas Malaysia, Washington mengenal pasti beberapa produk yang menerima kadar tarif sifar di bawah senarai rakan kongsi sejarah. Malaysia juga tidak akan mengenakan larangan atau kuo-

ta terhadap eksport mineral penting atau unsur nadir bumi ke AS dan akan bekerjasama dengan firma Amerika bagi mewujudkan kepastian kepada perniagaan untuk meningkatkan kapasiti pengeluaran. Malaysia juga bersetuju tidak

menggunakan cukai perkhidmatan digital yang bersifat diskriminatif terhadap syarikat AS dan memastikan pemindahan data merentasi sempadan berjalan lancar dengan perlindungan sewajarnya.

Bersambung di muka 2

Dagangan Malaysia-AS catat sejarah baharu

Dari muka 1

Bagi pengguna Malaysia, perjanjian baharu ini menyaksikan kerajaan bersetuju mengecualikan produk pertanian dan makanan laut dari Amerika Syarikat (AS) daripada cukai jualan dan perkhidmatan (SST).

Ini bermakna buah-buahan dari AS akan turut dikecualikan daripada SST, sama seperti epal, oren, kurma, dan limau mandarin.

Logo halal bagi mana-mana produk yang diperakui halal di AS dan ditetapkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) juga akan dibenarkan untuk pasaran Malaysia. Perkara itu terkandung dalam Perjanjian Perdagangan Timbal Balik AS dan Malaysia yang ditandatangani Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Presiden Donald Trump di luar Sidang Kemuncak ASEAN ke-47 dan Sidang-Sidang Berkaitan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) di sini semalam.

Rumah Putih dalam kenyataannya berkata, perjanjian itu akan memberikan pengeksport kedua-dua negara akses yang tidak pernah berlaku sebelum ini ke pasaran masing-masing dalam mengukuhkan hubungan ekonomi jangka panjang yang wujud sejak Perjanjian Rangka Kerja Perdagangan dan Pelaburan 2004.

Antara terma utama perjanjian itu termasuklah komitmen negara ini memberikan akses pasaran keutamaan yang besar bagi eksport barangan perindustrian AS seperti bahan kimia, jentera dan peralatan elektrik dan logam.

Selain itu, Malaysia akan membuka pasaran eksport pertanian AS seperti hasil tenusu, produk hortikultur, ayam, produk proses, minuman, da-

MALAYSIA komited menangan halangan bukan tarif dalam perdagangan dua hala termasuk menambah baik pensijilan halal untuk kosmetik, farmaseutikal & peranti perubatan.

MALAYSIA kekal dengan standard alam sekitar tinggi dan tindakan terhadap pemalsuan haram dan penangkapan ikan haram.



MALAYSIA bersetuju tidak menggariskan kuota eksport ke atas mineral kritikal ke AS, dan tiada sekatan jualan magnet nadir bumi kepada syarikat AS.

MALAYSIA akan terma siji pengawalselakan AS bagi produk makanan dan pertanian.

MALAYSIA akan peringkat pengujuteraan terhadap pasaran terlibat dalam pemalsuan dan cetak rompak.

ging babi, beras dan etanol.

"Komitmen AS pula adalah mengekalkan tarif timbal balas pada kadar 19 peratus seperti ditetapkan dalam Perintah Eksekutif bertarikh 2 April 2025 serta pindaan kemudiannya terhadap barangan berasal dari Malaysia.

"AS juga mengenal pasti produk dalam Perintah Eksekutif bertarikh 5 September 2025 untuk menerima kadar tarif timbal balas sifar peratus," kata Rumah Putih dalam kenyataan semalam.

Dalam pada itu, Rumah Putih berkata, Malaysia bersetuju menangan halangan bukan tarif yang menjejaskan perdagangan dua hala dalam sektor perindustrian utama.

Perkara itu termasuk menerima kenderaan keluaran AS mengikut piawaian keselamatan, mempermudah lesen import produk kelihi aloi dan paip dari AS, memperkemas keperluan produk halal seperti kosmetik, farmaseutikal dan peranti perubatan serta menangani ketidakseimbangan terhadap aspek pemutihan.

Malaysia pula menangan halangan bukan tarif terhadap produk makanan dan pertanian

AS di pasaran tempatan termasuk menerima sijil dikeluarkan oleh kawal selia AS dan memperkemas keperluan halal serta pendaftaran bagi memudahkan import serta melaksanakan pengiktirafan penyakit haiwan.

Malaysia bersetuju untuk tidak melarang atau mengenakan kuota eksport mineral kritikal atau unsur nadir bumi ke AS.

"Malaysia komited mempercepat pembangunan sektor ini bersama syarikat AS termasuk pemberian lesen operasi lanjutan bagi memastikan jaminan kepada perniagaan untuk meningkatkan kapasiti pengeluaran.

"Tiada sekatan dikenakan terhadap penjualan magnet nadir bumi kepada syarikat AS," katanya.

Bagi perjanjian komersial tambahan, kedua-dua pihak mengambil maklum mengenai beberapa urusan niaga komersial sedang dan bakal dimeterai antara syarikat AS dan Malaysia termasuk pembelian pesawat dengan pilihan tambahan untuk 30 pesawat, pembelian semikonduktor, komponen aerokangkasa dan peralatan pusat data bernilai AS\$150 bilion.

柯連發：加稅取消補貼 “通脹失控惹民怨”

（檳城26日讯）马华槟州副组织秘书柯连发炮轰政府加稅及取消補貼釀禍根，如今通貨膨脹失控，5州通脹率更超越全國水平，導致民怨沸騰。

他今日發文告說，根據統計局最新數據，9月消費者物價指數（CPI）按年上漲1.5%，達到135.2點。

“其中，柔佛、森美蘭、馬六甲、雪蘭莪和登嘉樓的通脹率更高於全國平均水平。可見政府執意擴大服務與銷售稅（SST）涵蓋範圍、提高稅

率、取消柴油和雞肉等補貼，種種措施直接推高生活成本，壓垮了中下層家庭生計。”

他說，9月的數據也顯示，餐飲及住宿服務漲幅達3.3%；住房、水電煤氣及其他燃料上漲1.5%；食品飲料上升2.1%；交通運輸上升0.7%；外食通脹更高達4.4%，這正是通脹惡性循環的寫照。

他指出，政府一邊提高稅收，一邊取消補貼，口口聲聲说要精準補貼人民，但現實却只是讓更重的負擔落在人民身上。

他認為，政府無法控制通脹，就等於在慢性折磨人民。政府必須立即檢討稅務和補貼政策，制定切实可行的措施來遏止物價飆漲，恢復人民穩定的生活。



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 27 OKTOBER 2025

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
27-Oct	Jelajah Karnival KPDN 2025 Zon Timur Raikan "Jom Beli Lokal"	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/10/1462642/jelajah-karnival-kpdn-2025-zon-timur-raikan-jom-beli-lokal?	BERITA HARIAN
27-Oct	PGA patahkan cubaan seludup 225 liter petrol	https://www.sinarharian.com.my/article/753850/berita/semasa/pga-patahkan-cubaan-seludup-225-liter-	SINAR HARIAN
27-Oct	'Lemon law' bukan sekadar barang rosak – ini soal ma-ruah	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/pandangan/2025/10/26/lemon-law-bukan-sekadar-barang-rosak-ini-soal-	FMT